



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

CABUTAN WOW! SIMPAN SSPN 2024 LEBIH WOW! TAWAR HADIAH LUMAYAN LEBIH RM1.3 JUTA

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hari ini melancarkan Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN 2024 yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN bertempat di Hotel Royal Chulan, Damansara, Petaling Jaya, Selangor. Turut hadir YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN dan Lembaga Pengurusan PTPTN.
2. PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berperanan dalam memupuk amalan menabung melalui produk Simpan SSPN yang diperkenalkan pada tahun 2004. Pembudayaan amalan menabung merupakan fokus utama PTPTN bagi meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan masyarakat Malaysia. PTPTN komited untuk menjadikan Simpan SSPN sebagai produk simpanan pendidikan utama di Malaysia, selaras dengan Teras Pertama Pelan Strategik PTPTN 2021-2025.
3. Justeru, pelbagai kempen dan promosi terus dipergiatkan bagi menggalakkan amalan penabungan termasuklah mengadakan Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN yang merupakan program *signature* tahunan PTPTN sejak tahun 2015. Selain itu, penganjuran kempen ini juga adalah sebagai tanda penghargaan PTPTN kepada pendeposit Simpan SSPN kerana memilih Simpan SSPN sebagai pilihan utama untuk simpanan pendidikan anak-anak.
4. Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN 2024 menawarkan hadiah yang lebih lumayan bernilai lebih RM1.3 juta untuk dimenangi oleh 983 orang pemenang. Tempoh promosi bermula pada 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024. Cabutan kali ini terdiri daripada Cabutan Tahunan dan lima (5) Cabutan Siri yang diadakan dengan tema-tema tertentu termasuklah perayaan dan sambutan kemerdekaan.

5. Istimewanya tahun ini buat julung kali Cabutan Siri WOW! Kasih diperkenalkan bagi menghargai insan-insan bermakna dalam kehidupan antaranya sambutan Hari Ibu, Hari Bapa dan Hari Guru. Kategori Cabutan adalah seperti berikut:

KATEGORI	CABUTAN	TEMPOH KEMPEN
Cabutan Siri	WOW! Gong Xi Ang Pow	1 Januari 2024 - 29 Februari 2024
	WOW! Syoknya Raya	1 Mac 2024 - 30 April 2024
	WOW! Kasih	1 Mei 2024 - 30 Jun 2024
	WOW! Merdeka	1 Julai 2024 - 31 Ogos 2024
	WOW! Superheroes	1 September 2024 – 31 Oktober 2024
Cabutan Tahunan		1 Januari 2024 - 31 Disember 2024

6. Menariknya Cabutan WOW! Simpan SSPN 2024 kali ini membawa kelainan dengan menampilkan tiga (3) kategori iaitu Silver, Gold dan Platinum bagi Cabutan Tahunan dengan hadiah utama Kategori Silver adalah berupa kereta Proton S70 *Flagship X*, pemenang Kategori Gold akan menerima kereta Proton X50 *Flagship* dan Kategori Platinum akan membawa pulang kereta Proton X90 *Flagship*. Hadiah kedua Kategori Silver akan menerima Motosikal Yamaha NVX 155cc, Kategori Gold akan membawa pulang Motosikal Yamaha XMAX 250cc dan Motosikal Yamaha MT09 akan menjadi hadiah bagi pemenang Kategori Platinum. Pemenang tempat ketiga pula akan menerima wang tunai bernilai RM10,000 bagi Kategori Silver, RM20,000 Kategori Gold dan RM30,000 untuk Kategori Platinum. Manakala hadiah utama bagi Kategori Cabutan Siri adalah berupa wang tunai bernilai RM10,000 untuk seorang pemenang setiap siri dan wang tunai bernilai RM500 menanti 180 pemenang saguhati bagi setiap siri.

7. Untuk menyertai kempen ini pendeposit hanya perlu membuka akaun atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh kempen. Setiap simpanan bersih RM50 bagi Simpan SSPN Prime akan mendapat satu (1) cabutan manakala bagi setiap simpanan bersih RM50 bagi Simpan SSPN Plus layak mendapat dua (2) cabutan secara automatik.

8. Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, “Paling menarik, kempen kali ini turut memberi kelebihan kepada pengguna aplikasi myPTPTN yang akan mendapat bilangan cabutan berganda. Pendeposit Simpan SSPN Prime yang membuat simpanan bersih RM50 melalui myPTPTN atau melalui potongan gaji atau debit terus,

akan mendapat lima (5) cabutan. Manakala pendeposit Simpan SSPN Plus yang membuat simpanan bersih RM50 melalui myPTPTN atau melalui potongan gaji atau debit terus, akan mendapat sepuluh (10) cabutan.”

9. “Besarnya harapan saya, kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN 2024 akan mendapat sambutan yang menggalakkan dan rebutlah peluang memenangi hadiah yang amat lumayan. Simpan lebih, peluang menang pun lebih. Semoga Simpan SSPN sentiasa dekat dalam hati sanubari masyarakat Malaysia dan menjadi pilihan utama sebagai tabung pendidikan yang dapat merealisasikan impian ibu bapa untuk melihat anak-anak berjaya ke puncak menara gading,” ujarnya lagi.

10. Pada majlis yang sama, PTPTN turut meraikan pemenang Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023 Kategori Cabutan Tahunan yang telah berakhir pada 31 Disember 2023 lalu. Pemenang utama telah menerima wang tunai bernilai RM150,000, tempat kedua RM50,000 dan pemenang tempat ketiga menerima wang tunai bernilai RM10,000. Selain daripada itu, PTPTN berbesar hati menyampaikan hadiah kepada pemenang utama Kempen Cabutan Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 berupa wang tunai bernilai RM10,000 dan dua orang pemenang saguhati masing-masing menerima RM1,000.

11. Untuk rekod, sehingga 31 Disember 2023, deposit Simpan SSPN yang diterima adalah berjumlah RM17.39 bilion dengan akaun sebanyak 6.25 juta. Pembukaan akaun dan penambahan deposit Simpan SSPN boleh dibuat melalui aplikasi myPTPTN untuk lebih mudah, cepat dan selamat.